

09 AUG 2003

ABDULLAH: PERSIAPAN P/RAYA SABAH BERJALAN LANCAR

PUTRAJAYA, 9 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata persiapan menghadapi pilihan raya negeri Sabah kini berjalan lancar.

"Semuanya berjalan dengan baik," katanya.

Apabila ditanya mengenai tarikh pilihan raya itu, Abdullah yang juga Timbalan Presiden BN berkata: "Apabila tiba masanya saya akan beritahu anda."

Abdullah berkata demikian semasa di temui pemberita selepas merasmikan persidangan perubatan Kumpulan Perubatan Johor 2003 di sini, hari ini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengakhiri lawatan sehari ke Sabah berkata soal pilihan raya negeri itu terserah kepada Abdullah yang bakal menggantikannya selepas beliau bersara pada Oktober ini.

-- BERNAMA

RIZ PR